


Indahnya Makassar!

NDAHNYA MAKASSAR! ITULAH PERKATAAN PERTAMA YANG KELUAR DARI MULUT PENULIS KETIKA BERKUNJUNG KE MAKASSAR PADA TAHUN 2024, BAHKAN KUNJUNGAN INI JUGA MERUPAKAN PENGALAMAN PERTAMA PENULIS KE LUAR NEGARA. PERJALANAN DARI KUALA LUMPUR KE MAKASSAR MENGAMBIL MASA LEBIH KURANG EMPAT JAM. KIRA-KIRA PADA PUKUL 5.00 PETANG, PENULIS TELAH SELAMAT MENDARAT DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA SULTAN HASSANUDIN, MAKASSAR, SULAWESI SELATAN, INDONESIA. LAPANGAN TERBANG INI MENYEDIAKAN KEMUDAHAN E-PANGGILAN KERETA (GRAB) KEPADA PELANCONG. SESAMPAI DI SANA, PENULIS MEMESAN KERETA DAN MENUJU KE HOTEL ARTHAMA.






Pemandangan indah di Makassar.



Kapal Pinisi menjadi tarikan di Pantai Losari.



Muzium La Galigo banyak menyimpan sejarah tentang Makassar.

Destinasi pertama penulis adalah ke Pantai Losari yang tidak jauh dari tempat penginapan. Pantai Losari terletak di Jalan Tanjung Bunga, Desa Maloku, Kecamatan Ujung Pandang. Penulis difahamkan bahawa Pantai Losari merupakan ikon wisata kota Makassar dan pusat kuliner khas yang terletak di Sulawesi Selatan. Dataran ini juga boleh dikatakan sebagai tempat riadah bagi penduduk setempat. Pelbagai kemudahan disediakan kepada pengunjung seperti gerai makanan dan gerai jualan cenderamata. Terdapat beberapa patung pahlawan Sulawesi Selatan seperti Sultan Hasanuddin, Arung Palakka, Sultan Alauddin dan tokoh lainnya yang berdiri megah di dataran Pantai Losari.

Di samping itu, pelancong juga boleh menyewa Kapal Pinisi untuk mengelilingi Pantai Losari. Penulis tidak melepaskan peluang untuk mencuba pisang epe yang dikatakan makanan simbolik di kota ini. Pisang epe merupakan pisang putik yang dibakar dan dicampur dengan air gula merah.


Tidak lengkap rasanya lawatan penulis jika tidak berkunjung ke tempat bersejarah, iaitu Museum La Galigo. Muzium ini terletak di Ujung Pandang, kota Makassar, Sulawesi Selatan. Muzium ini dibuka pada setiap hari dari pukul 8.00 pagi hingga 4.00 petang. Tiket masuk ke muzium berharga Rp5.000 untuk seorang atau RM1.39 sahaja. Muzium ini menyimpan sebanyak 4999 koleksi prasejarah, numismatik, kerami asing, sejarah dan naskah. Terdapat juga koleksi etnografi seperti alat teknologi, kesenian, peralatan dan koleksi lain yang dicipta dan digunakan oleh empat suku asli Sulawesi Selatan, iaitu Bugis, Makassar, Mandar dan Toraja. Selain itu, muzium ini juga menyimpan objek daripada kerajaan setempat dan objek bersejarah seperti senjata yang digunakan ketika revolusi kemerdekaan.

Fakta Menarik tentang Makassar

- 1 Makassar merupakan kota metropolitan terbesar di bahagian timur Indonesia dan kota terbesar keempat di Indonesia.
- 2 Makassar merupakan ibu kota provinsi Sulawesi Selatan.
- 3 Makassar memiliki iklim monsun tropika, dengan musim hujan dari bulan November hingga bulan Mac dan musim kemarau dari bulan Mei hingga bulan September.
- 4 Makassar pernah berganti nama menjadi Ujung Pandang pada tahun 1971, namun nama Makassar dirasmikan kembali pada tahun 1999.
- 5 Makassar pernah digelar sebagai "kota kecil terindah di seluruh Hindia-Belanda" oleh Joseph Conrad, seorang penulis Inggeris-Poland.
- 6 Makassar memiliki beberapa mercu tanda terkenal seperti Masjid Kubah 99 Asmaul Husna dan Benteng Rotterdam.
- 7 Suku Makassar memiliki rumah adat bernama Balla, baju adat bernama Baju Bodo, dan tari adat yang terkenal bernama Tarian Pakarena.

Menyingkap sejarah penubuhan Muzium La Galigo, sebelum ini di Sulawesi Selatan terdapat sebuah muzium yang dikenali sebagai Muzium Celebes yang dibangunkan oleh pemerintah Hindia Belanda (Nederlandsch-Indie) di kota Makassar sebagai ibu kota Pemerintah Sulawesi dan Taklukannya (*Government Celebes en Onderhorigheden*). Muzium tersebut ditempatkan di bangunan dalam kompleks Benteng Ujung Pandang (Fort Rotterdam), iaitu rumah kediaman

Sewaktu penulis melawat Muzium La Galigo, muzium tersebut masih dalam proses baik pulih. Oleh itu, penulis tidak dapat memasuki ruang yang lain, melainkan hanya ruang pertama. Pada pandangan penulis, ruang pertama muzium ini berkaitan dengan sejarah penubuhan muzium dan kota Makassar.




Para pengunjung mengabadikan kenangan dengan menurunkan tandatangan pada ruang yang disediakan.

mantan Gabenor Belanda bernama Admiral C.J. Speelman. Koleksi yang dipamerkan antara lain termasuklah seramik, piring, emas, destar tradisional Sulawesi Selatan dan beberapa mata wang.


Sebelum kedatangan Jepun di kota Makassar, muzium ini telah menempatkan koleksi permainan

rakyat, peralatan dapur tradisional serta peralatan kesenian seperti kecapi (sejenis alat bunyi-bunyian bertali yang dipetik seperti gitar), gendang, buluh dan pui-pui (sejenis alat muzik yang ditiup).

Pada era pendudukan Jepun, muzium ini ditutup operasinya dan dibuka semula pada tahun 1966. Muzium ini telah dirasmikan



Sudut PAKKAMASE yang memelihara tentang Presiden Republik Indonesia.




pada tanggal 1 Mei 1970 dengan nama baharunya, iaitu Muzium La Galigo pada 24 Februari 1974.

Muzium La Galigo mempunyai sejarah yang panjang. Menurut sejarah yang terakam, I La Galigo merupakan anak kepada Sawerigading Opunna Ware hasil perkahwinannya dengan Puteri We Cudai Daeng ri Somp. Setelah dewasa, La Galigo ditakhtakan sebagai Raja Kerajaan Luwu pada abad ke-14. Nama La Galigo juga ada tercatat dalam manuskrip klasik dalam Muzium La Galigo menggunakan bahasa Bugis.

MENYIMPAN SEJARAH MAKASSAR

Sewaktu penulis melawat Muzium La Galigo, muzium tersebut masih dalam proses baik pulih. Oleh itu, penulis tidak dapat memasuki ruang yang lain, melainkan hanya ruang pertama. Pada pandangan penulis, ruang pertama muzium ini berkaitan dengan sejarah penubuhan muzium dan kota Makassar.

Selain itu, foto Bendi atau Hansom atau dikenali di Malaysia sebagai kereta kuda turut



Pemandangan di dalam Masjid Kubah 99 Asmaul Husna.

menarik perhatian penulis. Bendi merupakan pengangkutan yang digunakan oleh penduduk Makassar suatu ketika dahulu terutamanya dalam kalangan petani di desa. Masyarakat desa menggunakannya untuk mengangkut barangan ke pasar. Bendi mampu menampung lima orang penumpang pada satu masa.

Lokasi terakhir penulis adalah di Masjid Kubah 99 Asmaul Husna. Sebelum penulis datang ke Makassar, beberapa orang kenalan berpesan agar jangan lupa berkunjung ke masjid ini. Difahamkan bahawa masjid ini juga merupakan satu daripada

daya tarikan yang ada di Makassar. Pertama kali menjejakkan kaki ke masjid ini, penulis terpujau dengan kecantikan dan keunikan seni binanya.

Masjid ini telah dibina pada tahun 2017 dan dibuka secara rasmi pada tahun 2023. Pembinaan masjid ini telah menjadikannya sebagai ikon terbaharu di Sulawesi Selatan. Penulis difahamkan bahawa masjid ini merupakan masjid terbesar yang terdapat di Sulawesi Selatan dan kos pembinaannya menelan berjuta rupiah.

Reka bentuk masjid ini direka oleh Ridwan Kamil yang pada ketika itu merupakan Gabenor Jawa Barat. Penggunaan 99 buah kubah merupakan ikonik kepada 99 nama Allah SWT. Penggunaan warna merah, jingga dan kuning menyerlahkan lagi kecantikan masjid ini. Keistimewaan masjid ini juga mampu menampung sebanyak 3880 orang jemaah pada satu masa.

Kunjungan penulis ke Makassar meninggalkan kenangan yang manis walaupun cuaca di Makassar agak panas berbanding dengan cuaca di Malaysia. DB



Bendi atau Kereta Kuda, pengangkutan yang digunakan penduduk Makassar suatu ketika dahulu.